



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ADAPTASI KESUSASTERAAAN RAKYAT CERITA JENAKA MELAYU DALAM
KARYA SENI CETAKAN KONTEMPORARI**

HAZRUL MAZRAN RUSLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA SENI (STUDIO SENI HALUS)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk menghasilkan satu badan karya cetakan blok kayu berdasarkan adaptasi terhadap bahan kesusasteraan rakyat Melayu. Bentuk kesusasteraan yang dipilih adalah cerita jenaka Melayu. Sebanyak tiga buah cerita jenaka telah dipilih sebagai subjek kajian iaitu Lebai Malang, Pak Pandir dan Si Luncai. Kajian ini memfokuskan terhadap unsur-unsur didaktik atau bersifat pengajaran yang terkandung dalam teks-teks jenaka tersebut. Pendekatan Teori Adaptasi dan kaedah eksplorasi visual diaplikasikan ke dalam kajian. Temu bual bersama seniman dan ilmuan seni turut digunakan bagi mendapatkan maklum balas. Kajian ini telah merujuk kepada tujuh belas hasil karya seniman tempatan dan antarabangsa yang berpameran dalam tiga siri pameran solo dan dua berkumpulan. Seniman-seniman tempatan yang dirujuk di dalam penyelidikan ini adalah Kamal Sabran, Samsuddin Wahab, Hasnul J. Saidon (pameran berkumpulan 'Mea Culpa' 2008), Juhari Said (Siri Simpulan Bahasa 1997-2003) dan Zulkifli Yusoff (Pelayaran Munshi Abdullah, 2003). Manakala seniman antarabangsa yang dirujuk adalah Monica Bengoa, Ernesto Neto, Marilá Dardot, Ellida Tessler (pameran berkumpulan 'The Storyteller 2012) dan Jirapat Tatsanasomboon (Siri 'The Desires of Nonthok' 2013). Karya-karya rujukan dianalisa dengan menggunakan pendekatan Teori Kritikan Seni oleh Feldman. Proses penyelidikan studio dijalankan melalui tiga fasa utama pembangunan. Karya-karya yang telah dihasilkan sepanjang fasa-fasa pembangunan penyelidikan telah dipamerkan dalam dua pameran berkumpulan tempatan dan antarabangsa iaitu pameran berkumpulan POP PARADOX di Kapalorek Artspace pada 6 Januari 2016 dan pameran Projek Kolaborasi Seni Antarabangsa Siri 3 UPSI – Universiti Thaksin di The Southern Thai Art Center pada 26 Disember 2015. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa bahan buku teks cerita jenaka kesusasteraan rakyat, mempunyai nilai dan potensi untuk diolah ke dalam bentuk karya seni visual. Implikasi kajian ini juga, menunjukkan bahawa proses adaptasi bahan kesusasteraan ke dalam bentuk karya seni visual berjaya memperkayakan dan memartabatkan kedua-dua bentuk kesenian ini.





THE ADAPTATION OF MALAY FOLK LITERATURE (MALAY TALES OF HUMOR) IN CONTEMPORARY WOODCUT PRINTS

ABSTRACT

This study is carried out to build a body of woodcut prints based on the adaptation of Malay folk literatures. The type of literature chosen is tales of humor from the Malay community. Three humoristic tales are chosen as subjects, namely *Lebai Malang*, *Pak Pandir* and *Si Luncai*. This study focuses on didactic elements and good examples that lie inside the humoristic tales chosen. The Adaptation Theory approach and visual exploration method are applied in this study. Interviews with artists and scholars were also carried out to get more input and response regarding the subject. Seventeen artworks by local and international artists from three solo and two grouped exhibitions were referred to for the purpose of this research. Local artistes referred to for this study are Kamal Sabran, Samsuddin Wahab, Hasnul J. Saidon (from grouped exhibition 'Mea Culpa' 2008), Juhari Said (*Simpulan Bahasa* Series 1997-2003) and Zulkifli Yusoff (*Pelayaran Munsyi Abdullah*, 2003) while reference from international artistes were from Monica Bengoa, Ernesto Neto, Marilá Dardot, Ellida Tessler (from 'The Storyteller' grouped exhibition) and Jirapat Tatsanasomboon ('The Desires of Nonthok' Series 2013). Reference artworks were analyzed through the Art Critic Theory approach by Feldman. The Studio Research processes were carried out through three main development phases. Artworks produced during development phases were displayed in two exhibitions namely POP PARADOX at Kapalorek Artspace (local) on 6 January 2016 and the International Art Collaboration Project Exhibition Series 3 UPSI – Thaksin University held at the Southern Thai Art Center on 26 Desember 2015. The finding for this study shows that texts from Malay humoristic folk literature have the potential to be presented in the form of visual artworks. The implication of this study also shows that the adaptation process of literature materials to visual form can enrich and enhance both art forms for the future.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	ix

BAB 1 PENGENALAN



1.1	Pendefinisian Terma dan Perkataan	1
1.2	Permasalahan kajian	9
1.3	Persoalan Kajian	15
1.4	Sasaran dan Objektif Kajian	16
1.5	Garis Panduan Projek	17
1.5.1	Pendekatan Kajian	17
1.5.2	Kaedah Kajian	17
1.5.1.1	Penyelidikan Perpustakaan & Analisis Dokumen	18
1.5.2.2	Pemerhatian Karya Rujukan	19
1.5.2.3	Temubual	21
1.5.2.4	Penyelidikan Studio	22
1.6	Tinjauan Karya Terdahulu – Subjek & Idea	23
1.7	Signifikan Kajian	27
1.8	Pembangunan Utama Dalam Penyelidikan Studio	28
1.8.1	Fasa 1	28
1.8.2	Fasa 2	28



1.8.3	Fasa 3	29
-------	--------	----

BAB 2 KONTEKS

2.1	Kesusasteraan Rakyat	31
2.1.1	Ciri-ciri Umum Kesusasteraan Rakyat	34
2.1.2	Fungsi-fungsi Kesusasteraan Rakyat	44
2.1.3	Persamaan Ciri-ciri & Fungsi Hasil Sastera Rakyat Dengan Karya Seni Visual	45
2.2	Tinjauan Terhadap “Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara” oleh Ezzah ‘Afifah Nasrudin & Che Ibrahim Salleh (2015) dan <i>Teori Rashid</i> (2011)	47
2.3	Pelukis-pelukis Rujukan	49
2.3.1	Pameran Seni Berkumpulan ‘ <i>Mea Culpa</i> ’, 2008	50
2.3.2	Pameran Seni Berkumpulan ‘ <i>The Storyteller</i> ’, 2012	58
2.3.3	Siri Simpulan Bahasa, Juhari Said, 1997 – 2003	62
2.3.4	‘ <i>Desires of Nonthok</i> ’, Jirapat Tatsanasomboon, 2012.	67
2.3.5	‘Pelayaran Munshi Abdullah’, Zulkifli Yusoff, 2003.	73
2.4	Rumusan Pemerhatian dan Perbandingan Terhadap Karya Rujukan.	76

BAB 3 KAJIAN STUDIO

3.1	Pendahuluan	84
3.2	Fasa Pertama Penyelidikan Studio	87
3.2.1	Karya 1 & 2	88
3.2.2	Analisis Karya Fasa Pertama	98
3.3	Fasa Kedua Penyelidikan Studio	100
3.3.1	Karya 3 & 4	100
3.3.2	Analisis Karya Fasa Kedua	110

3.4	Fasa Ketiga Penyelidikan Studio	111
3.4.1	Karya 5	112
3.4.2	Karya 6	132
3.4.3	Analisis Karya Fasa Ketiga	145
BAB 4	KESIMPULAN	146
RUJUKAN		149
LAMPIRAN		

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Aplikasi Teori Feldman bagi analisis karya rujukan.	20
1.2 'M.O.U = Takkan Melayu Hilang Di Dunia', Installasi menggunakan kepingan slab simen, 244cm x 244cm x 145cm. <i>Jumping Jack Flash-Installation Art Exhibition</i> , Morne Art Gallery, Kuala Lumpur 2014. Koleksi Peribadi U-Wei Hj. Saari.	24
1.3 'Maksud & Pembayang', Installasi menggunakan kepingan slab simen, Pameran IN PRINT 2006, Koleksi tetap Balai SeniVisual Negara.	25
1.4 'King of Spade As World Cup Referee', Slab simen, 165 x 113 cm.	26
1.5 'King of Spade As World Cup Referee', gambaran dekat.	26
1.6 Carta aliran kaedah penyelidikan.	29
1.7 Taktik penyelidikan yang boleh dilakukan berdasarkan kaedah eksplorasi visual (diubahsuai daripada O'grady J&K 2009).	30
2.1 <i>Living Dead Doll</i> , Haslin Ismail, media campuran atas kanvas 152.5cm x 183cm, 2008. Katalog pameran Mea Culpa, RA Fine Art 2008.	51
2.2 "Mea Culpa...", Kamal Sabran, media campuran atas kanvas, 92cm x 92cm, 2008. Katalog pameran Mea Culpa, RA Fine Art 2008.	52
2.3 "Diserang Dark Goddess", Samsuddin Wahab, media campuran atas kanvas, 152.5cm x 183cm, 2008. Katalog pameran Mea Culpa, RA Fine Art 2008.	54



- 2.4 "Bayangan Dari Jendela Tanjung 1", Hasnul J.Saidon, cetakan digital, akrilik atas kanvas dan proyeksi video, 160cm x 40cm, 2008. 56
- 2.5 Monica Bengoa, *Some considerations on wild flowers: Bee Orchid (Ophrys apifera) and Chess Flower (Fritillaria meleagris)*, 2011. Diambil dari http://monicabengoa.cl/en/escrito/sobre-restricciones-y-paletascromaticas/einige_beobachtungen_uber_wildblumen_bienen_agwurz_und_schachblume_2012_monicabengoa_06/ pada 06/06/2014. 59
- 2.6 Ernesto Neto, *Circleprototemple*, 2010, instalasi. Diambil dari http://artpulse_magazine.com/wp-content/uploads/2013/02/1-neto.jpg pada 06/06/2014. 60
- 2.7 Marilá Dardot, *The Book of Sand*, 1999. Diambil dari <http://artpulsemagazine.com/wp-content/uploads/2013/02/5-marila-dardot.jpg> pada 06/06/2014. 60
- 2.8 Elida Tessler, *Dubling*, 2010, Instalasi. Diambil dari http://artpulsemagazine.com/wp-content/uploads/2013/02/2-dubling_etessler.jpg pada 06/06/2014. 61
- 2.9 Juhari Said, *Bagai memegang golok kayu, diletak tak makan, disimpan tak berguna, dijual tak laku*. Cetakan blok kayu. Diambil dari [http://juharisaid.com/art/proverb/Bagai MemegangGolok.html](http://juharisaid.com/art/proverb/Bagai_MemegangGolok.html) pada 4/06/2014. 62
- 2.10 Juhari Said, *Berputih Tulang*. Diambil dari <http://juharisaid.com/art/proverb/Berputihtulang.html> pada 04/06/2014. 63
- 2.11 Juhari Said, *Bertuankan Beruk*. Diambil dari <http://juharisaid.com/art/proverb/Bertuankanberuk.html> pada 04/06/2014. 63
- 2.12 Juhari Said, *Bila Telunjuk Menunding, Tiga Jari Menunding Ke Arah Kita*. Kolaj, cetakan blok kayu & gentian kaca atas kertas buatan tangan. Diambil dari <http://juharisaid.com/art/proverb/BilaTelunjukMenunding.html> pada 04/06/2014. 64
- 2.13 Juhari Said, *Katak Hendak Jadi Lembu*. Cetakan blok kayu atas kertas, 73cm x 54cm. Diambil dari [http://juharisaid.com/art/proverb/Cakap Siang01.html](http://juharisaid.com/art/proverb/Cakap_Siang01.html) pada 04/06/2014. 66





- 2.14 Jirapat Tatsanasomboon, *The Worthless Crown*. Diambil dari http://www.thavibu.com/thailand/jirapat_tatsanasomboon/thavibu_the_desires_of_nonthok.pdf pada 15/06/2014. 68
- 2.15 Jirapat Tatsanasomboon, *Nonthok as Monalisa*. Diambil dari http://www.thavibu.com/thailand/jirapat_tatsanasomboon/thavibu_the_desires_of_nonthok.pdf pada 15/06/2014. 69
- 2.16 Jirapat Tatsanasomboon, *Nonthok de Lis*. Diambil dari http://www.thavibu.com/thailand/jirapat_tatsanasomboon/thavibu_jirapat_tatsanasomboon.pdf pada 15/06/2014. 69
- 2.17 Jirapat Tatsanasomboon, *Like*. Diambil dari http://www.thavibu.com/thailand/jirapat_tatsanasomboon/thavibu_jirapat_tatsanasomboon.pdf pada 15/06/2014. 70
- 2.18 Zulkifli Yusoff, 'Pelayaran Munshi Abdullah', Instalasi. Diambil dari https://universes.art/fileadmin/media/images/nafas/2012/zulkifli_yusoff/11/1585501-1-engGB/11.jpg. 73
- 2.19 Zulkifli Yusoff, 'Pelayaran Munshi Abdullah', Instalasi. Diambil dari https://universes.art/fileadmin/media/images/nafas/2012/zulkifli_yusoff/10/1585403-1-engGB/10.jpg. 74
- 3.1 Lakaran imej golok sunda, media campuran atas kertas, 2015. 88
- 3.2 Lakaran imej tasbih kayu koka, media campuran atas kertas, 2015. 88
- 3.3 Lakaran imej buah kabung, media campuran atas kertas, 2015. 89
- 3.4 Lakaran imej tumbok lada dan tasbih, media campuran atas kertas, 2015. 89
- 3.5 Lakaran imej golok, media campuran atas kertas, 2015. 90
- 3.6 Lakaran imej golok, media campuran atas kertas, 2015. 90
- 3.7 Lakaran imej, media campuran atas kertas, 2015. 90



- 3.8 Lakaran imej golok, media campuran atas kertas, 2015. 90
- 3.9 Proses penghasilan blok cetakan. 94
- 3.10 Proses penghasilan blok cetakan. 94
- 3.11 Blok cetakan yang telah siap diukir dan blok *registration* disediakan untuk mulakan kerja-kerja mencetak. 95
- 3.12 Blok cetakan yang telah siap diukir dan blok *registration* disediakan untuk memulakan kerja-kerja mencetak (gambar dekat). 95
- 3.13 Karya 1 “Golok Sunda” cetakan blok kayu, 56cm x 76cm, 2015. 96
- 3.14 Karya 2 “Golok Melayu”, cetakan blok kayu, 76cm x 56cm, 2015. 97
- 3.15 Imej labu, rusa dan figura manusia berserban yang divisualkan berdasarkan teks Si Luncai. 102
- 3.16 Imej figura manusia berserban dipadankan dengan imej ira kayu sebagai latar belakang dengan aplikasi kaedah manipulasi digital menggunakan perisian Adobe Photoshop untuk karya ‘Luncau Jadi Lebai’. Cetakan digital atas kertas, 21cm x 29cm, 2015. 104
- 3.17 Imej Ira kayu yang diolah dengan aplikasi digital menggunakan perisian Adobe Photoshop untuk karya ‘Luncau jadi lebai’. Cetakan digital atas kertas, 21cm x 29cm, 2015. 105
- 3.18 Kajian komposisi dengan imej labu, sebahagian dari imej figura manusia berserban dengan latarbelakang ira kayu yang diolah dengan aplikasi digital menggunakan perisian Adobe Photoshop untuk karya ‘Luncau Jadi Lebai’. Cetakan digital atas kertas, 21cm x 29cm, 2015. 105
- 3.19 Imej figura manusia dengan lilitan serban yang telah diolah menggunakan perisian Adobe Photoshop. Cetakan digital atas kertas, 21cm x 29cm, 2015. 106

- 3.20 Manipulasi imej figura manusia berserban dan rusa dengan latar ira kayu yang digabungkan menggunakan perisian Adobe Photoshop. Cetakan digital atas kertas, 21cm x 29cm, 2015. 106
- 3.21 Imej figura manusia dan rusa tanpa latar ira kayu. Cetakan digital atas kertas, 21cm x 29cm, 2015. 107
- 3.22 Olahan komposisi akhir untuk karya 'Luncau Jadi Lebai'. Cetakan blok kayu atas kertas, 56cm x 76cm, 2015. 108
- 3.23 Olahan komposisi akhir untuk karya 'Jerat Rusa Luncai'. Cetakan blok kayu atas kertas, 79cm x 110 cm, 2015. 109
- 3.24 Suntingan imej tanpa warna dan latar belakang. 114
- 3.25 Suntingan imej dengan cadangan warna tanpa latar belakang. 115
- 3.26 Suntingan imej dengan cadangan warna dan latar belakang. 115
- 3.27 Blok *registration* dan blok cetakan untuk lapisan warna pertama. 116
- 3.28 Hasil cetakan lapisan warna pertama sedang dikeringkan. 117
- 3.29 Blok cetakan warna kedua diletakkan pada *registration block* dan sedia untuk dicetak. 117
- 3.30 Hasil cetakan lapisan warna kedua. 118
- 3.31 Blok untuk lapisan warna ketiga sedia untuk dicetak. 118
- 3.32 Hasil cetakan lapisan kedua sedang dikeringkan. 119
- 3.33 Penyelidik memeriksa kualiti cetakan *State Proof* untuk memastikan hasil yang sempurna bagi proses cetakan seterusnya. 120



- 3.34 Hasil cetakan lapisan warna ketiga dalam proses pengeringan. 120
- 3.35 Penyelidik sedang menghasilkan cetakan *state proof* untuk lapisan warna terakhir. 121
- 3.36 Hasil *state proof* yang telah dicetak. 121
- 3.37 Cetakan lapisan terakhir (*key block*) yang telah siap dan sedang dalam proses dikeringkan. 122
- 3.38 *Alkisah Luncai Dan Raja*, cetakan blok kayu atas kertas, 10 edisi cetakan, 3' x 4', 2015. 124
- 3.39 Aksi peserta Perhimpunan Bersih yang mengenakan topeng Guy Fawkes di Kuala Lumpur. Dambil dari <https://aznealishak.files.wordpress.com/2015/08/a31r2603.jpg> pada 15/10/2015. 130
- 3.40 Aksi peserta Perhimpunan Bersih yang mengenakan topeng Guy Fawkes di Kuala Lumpur. Dambil dari https://ismailsadiron.files.wordpress.com/2012/04/dsc_0271.jpg pada 15/10/2015. 131
- 3.41 Penggunaan topeng Guy Fawkes oleh peserta-peserta Perhimpunan Bersih di Kuala Lumpur. Diambil dari http://images.says.com/uploads/story_source/source_image/410337/23be.jpg pada 15/10/2015. 131
- 3.42 *Umpama Pak Pandir Dapat Lantikan*, Cetakan blok kayu, 10 edisi cetakan, 2015. 133
- 3.43 Imej kad Joker. Diambil dari <http://www.605s.com/img/Fournierjoker-605.jpg> pada 20/10/2015. 135
- 3.44 Imej badut. Diambil dari <http://previews.123rf.com/images/harveysart/harveysart1009/harveysart100900333/7886729-An-image-of-a-scary-evil-clown-that-is-puzzled--Stock-Photo-joker-face.jpg> pada 20/10/2015. 135
- 3.45 Imej kad Joker. Diambil dari http://www.lybrary.com/images/jolly_joker3.jpg 20/10/2015. 136





- 3.46 Imej Kalendar. Diambil dari http://1.bp.blogspot.com/-CCxgkXdjfwS/Urz8l6NJhI/AAAAAAAAAQbM/sgyjATSJ51k/s1600/12+Kalendar+Kuda-2014+eatz+HQ_December.png pada 29/10/2015. 137
- 3.47 Imej kalendar. Diambil dari http://3.bp.blogspot.com/-OwnfM6bycqQ/T09aao3H2nI/AAAAAAAAABjk/2oUG9GZ2NqM/s1600/IMG_0002.jpg pada 29/10/15. 137
- 3.48 Imej kalendar. Diambil dari <http://s965.photobucket.com/user/kopke/media/racinghorse.jpg.html>. 138
- 3.49 Pengolahan karya dimulakan dengan menghasilkan rekaletak perkataan *Joker* yang berfungsi sebagai *outline* kepada komposisi karya. 138
- 3.50 Imej kalendar dimasukkan ke dalam komposisi. 139
- 3.51 Imej figura manusia dan papan sasar dibina dengan kaedah *vector* dan dimasukkan ke dalam komposisi. 139
- 3.52 Penyelidik sedang menghasilkan cetakan lapisan warna pertama. 140
- 3.53 Penyelidik sedang menghasilkan cetakan lapisan warna pertama. 141
- 3.54 Hasil cetakan lapisan pertama yang telah siap. 141
- 3.55 Blok cetakan lapisan warna kedua yang telah siap dan sedia untuk dicetak. 142
- 3.56 Hasil cetakan warna kedua sedang dikeringkan. 142
- 3.57 Cetakan lapisan warna ketiga dan cetakan test print untuk lapisan ketiga (key-block). 143
- 3.58 Kesan cetakan lapisan ketiga (key-block) yang telah siap. 143
- 3.59 Hasil cetakan lapisan ketiga yang telah kering. 144





3.60 Hasil cetakan lapisan ketiga yang telah kering.

144





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pendefinisian Terma dan Perkataan.

Kamus Dewan edisi ketiga (2002) mendefinisikan terma interpretasi sebagai tafsiran dan penjelasan yang berkaitan dengan makna, tujuan dan implikasi dan sebagainya berkenaan sesuatu. Perkataan adaptasi pula didefinisikan sebagai suatu penyesuaian dengan keadaan yang baru atau berbeza.

Definisi bagi perkataan sastera di takrifkan sebagai bahasa yang digunakan di dalam kitab-kitab (bukan bahasa basahan). Perkataan susastera pula membawa pengertian terhadap seni sastera atau sebarang unsur kesenian yang tercipta dengan





penggunaan sesuatu bahasa, tulisan atau lisan oleh mereka yang mahir sastera atau mempunyai pengetahuan yang baik berkenaan dengan seni persuratan. Ismail Yusoff (2008) pula menggariskan bahawa hasil-hasil sastera sebagai ungkapan bahasa indah yang diucapkan atau karya-karya bertulis yang mempunyai seni yang murni, indah, halus, merdu, suci dan cantik dari segenap segi iaitu bahasa, isi, penyampaian dan sebagainya. Beliau juga menegaskan bahawa sastera juga harus dianggap bernilai kepada masyarakat yang memilikinya. Berkenaan perkataan kesusasteraan pula terdapat beberapa pendefinisian yang sedikit berbeza nadanya, namun mempunyai persamaan dari segi maksud. Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa Dan Pustaka mentakrifkan kesusasteraan sebagai hasil seni yang diwujudkan dalam bentuk karangan bebas atau dalam bentuk puisi.



Dalam penulisan oleh Ismail Yusoff (2008), beliau menggariskan bahawa kesusasteraan dapat ditafsirkan sebagai himpunan beberapa atau lebih dari satu hasilan atau ciptaan susastera. Bagi menyokong kenyataan beliau, Ismail Yusoff (2008) memetik pendapat seorang sasterawan Inggeris, J.L Robertson yang menegaskan “kesusasteraan ialah ucapan yang berseni dalam kata-kata dari apa yang difikir, dirasakan, diingati atau yang dikhayali”. Berdasarkan kenyataan oleh Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa Dan Pustaka serta kedua-dua orang sarjana yang dinyatakan diatas, dapat disimpulkan bahawa sebarang bentuk buah fikiran yang dipersembahkan dalam bentuk bertulis dengan gaya bahasa yang indah adalah merupakan sebuah hasilan sastera atau karya sastera.





Sastera Rakyat pula adalah merupakan satu bentuk hasil sastera tertua yang pada asalnya disampaikan secara lisan dan berkisar dalam kelompok masyarakat tertentu. Sastera rakyat lahir atas tujuan hiburan dan pengajaran. Ia juga turut mempunyai unsur tokok tambah dan pengaruh tempatan. Tafsiran ini selari dengan Francis Lee Utley dalam penulisan beliau yang berjudul “*Folklore: Some Operational Definition*” pada tahun 1965 yang menegaskan bahawa sastera rakyat ialah sastera yang dipindahkan secara lisan dikalangan masyarakat primitif yang terpencil atau dalam kebudayaan pinggiran yang bertamadun, atau dikalangan masyarakat bandar atau desa, atau dikalangan kelompok dominan atau kecil. Mohd Taib Osman (2007) yang mengupas lebih lanjut di dalam konteks masyarakat Melayu mengatakan bahawa sastera rakyat adalah satu bentuk genre kesusasteraan Melayu lama yang tertua di dalam masyarakat melayu berbentuk lisan (oral tradition) yang wujud sebelum kesusasteraan bertulis (Literary tradition) dan dinikmati oleh golongan luar istana.

Terma cetakan adalah merujuk kepada sesuatu bahan atau perkara yang dicetak melalui penggunaan acuan atau mesin-mesin yang boleh membantu kerja-kerja mencetak itu. Perkataan ini terbit dari kata dasar cetak yang membawa maksud sebarang cap atau cop berbentuk tanda, huruf dan sebagainya pada kertas atau kain. Perkataan ini turut merujuk kepada sebarang bahan yang dijadikan acuan untuk menghasilkan sesuatu produk. Takrifan cetakan secara umum juga dapat difahami dengan melihat kepada objek-objek seharian yang mempunyai elemen percetakan. Contoh yang boleh kita lihat adalah seperti surat khabar, majalah, buku, duit dan





sebagainya. Namun, objek-objek harian ini tidak boleh diangkat sebagai sebuah karya seni.

Takrifan dalam kontek seni tampak pula, terma cetakan adalah merujuk kepada sebarang perbuatan mengalihkan dan menggandakan imajan dari satu permukaan kepada permukaan lain dengan menggunakan sebarang kaedah atau teknik-teknik tertentu. Mazlan Karim (2012) dalam kajiannya menggariskan cetakan konvensional adalah sebuah karya seni bersifat dua dimensi dan boleh diulang cetak dalam jumlah yang banyak selagi blok atau matrik yang digunakan tidak rosak dan mampu untuk menghasilkan cetakan atau *impression* ke atas permukaan kertas, kanvas atau kain. Mazlan Karim (2012) turut memetik Alexia Tala (2009) yang menyatakan karya cetakan konvensional sebagai suatu hasil cetakan yang dipamerkan di dinding dan dalam bingkai kaca.

Sharifah Fatimah Zubir (1982) dalam katalog Pameran Cetakan, Muzium Seni Negara pula menggariskan bahawa cetakan adalah hasil daripada suatu aktiviti atau perbuatan yang meninggalkan kesan atau bekas secara visual di atas permukaan bentuk yang lain. Beliau memberikan contoh seperti kesan tapak kaki yang di tinggalkan di atas pasir, salinan lukisan atau garisan pen dan pensil.

Mazlan Karim (2012) dalam kajiannya menyatakan bahawa ‘Cetakan asli’ merupakan terma yang lebih tepat dan komprehensif apabila menghuraikan definisi cetak dalam konteks seni halus. Kenyataan oleh Mazlan Karim ini dilihat selari





dengan kenyataan oleh Sharifah Fatimah Zubir (1982) yang menyatakan bahawa pelukis lebih suka menggunakan istilah cetakan asli (*original print*) dalam membezakan hasil karya mereka dengan salinan cetak (*reproduction copies*) karya-karya seni sedia ada. Penetapan sesebuah cetakan itu sebagai asli turut berkisar kepada bagaimana imajan sesebuah karya cetakan itu dihasilkan. Bernard S. Myers (1963) memberikan takrifan cetakan konvensional adalah sebuah karya kreatif yang bermula dengan penghasilan blok atau terma yang lebih khusus iaitu matrik. Blok atau matrik ini samada menggunakan kayu, logam, lino atau sutera saring. Seniman cetak mengolah permukaan blok melalui aktiviti torehan alat tulis, stensil, potongan pisau dan lain-lain sebagaimana seorang pelukis menghasilkan catan atau lukisan menggunakan berus, pensil, arang, cat minyak dan kanvas. Mazlan Karim (2012) turut menekankan bahawa di samping penggunaan blok atau matrik, keaslian sesebuah cetakan konvensional atau tradisi itu turut bergantung kepada medium, kaedah dan disiplin seni cetak yang digunakan oleh seseorang seniman cetak.

Medium paling biasa yang digunakan oleh seniman cetak dalam menghasilkan karya adalah kertas. Secara umum, teknologi pembuatan kertas telah bermula ketika peradaban Cina dan dikembangkan dan diperhalusi pula oleh orang-orang Jepun apabila mereka mendapati kertas-kertas dari Cina terlalu rapuh. Rosalind Ragan (2005) menulis dalam kajian beliau, kertas telah digunakan secara konvensional oleh seniman cetak untuk mendapatkan '*impression*' atau hasil cetakan daripada blok yang digunakan. Berdasarkan pengalaman penyelidikan sendiri, penggunaan kertas sebagai bahantara utama dalam penghasilan cetakan adalah kerana sifat kertas itu sendiri yang sesuai untuk semua kaedah dan teknik cetakan seperti cetakan timbulan (blok kayu,





dan lino), *intaglio*, stensil dan sebagainya. Dari sudut estetik pula adalah kerana kesan-kesan unik yang diperolehi daripada kepelbagaian jenis kertas itu sendiri yang menjadi identiti dan tarikan utama karya-karya seni cetak berbanding karya seni visual yang lain.

Karya-karya cetakan konvensional juga ditentukan melalui teknik-teknik cetakan yang digunakan. Mazlan Karim (2012) memetik kenyataan oleh Ponirin Amin (1995) yang menegaskan bahawa perhatian utama dalam penghasilan karya cetakan adalah tekniknya. Rosalind Ragan (2005) menggariskan terdapat empat kaedah tradisi untuk menghasilkan karya cetakan iaitu kaedah relief (timbulan), *intaglio*, lithografi dan sutera saring. Long Thien Shih (1993) pula menjelaskan hasil cetakan dapat diperolehi melalui teknik timbulan, permukaan dan stensil. Malah menurut beliau juga, kemahiran teknikal yang tinggi amat diperlukan bagi mendapatkan kualiti cetakan yang optimum.

Disamping elemen blok atau matrik, medium dan teknikal, cetakan konvensional juga menitik beratkan elemen etika dan disiplin dalam proses penghasilan karya. Mazlan Karim (2012) menjelaskan disiplin dan etika dalam proses penghasilan karya cetakan konvensional merujuk kepada *standard* atau piawaian yang perlu dipatuhi oleh seniman cetak. Kajian oleh Lessing J. Rosenwald (1961) menjelaskan bahawa piawaian ini dicetuskan oleh Gabor Peterdi di *Third International Congress of Plastic Art, Vienna* pada September 1960 dan dipersetujui





oleh Majlis Seni Cetak Amerika bagi menentukan keaslian sesebuah karya cetakan.

Sehubungan itu, terdapat lima deklarasi yang dipersetujui seperti berikut.:

- i. Karya-karya cetakan yang dihasilkan oleh seniman cetak boleh ditandakan dan ditentukan melalui istilah-istilah seperti '*First State*' atau '*Second State*' dan sebagainya. Jumlah '*Artist Proof*' tidak dicampurkan kepada edisi dan dihadkan kepada nisbah 10 peratus dari jumlah keseluruhan edisi cetakan yang dihasilkan. Ia perlu ditandakan dengan nombor pada setiap satu edisi yang dihasilkan dan menjadi hak eksklusif kepada seseorang seniman seni cetak.

- ii. Seniman seni cetak bukan sahaja perlu menurunkan tandatangan pada setiap edisi cetakan, malah perlu menandakan setiap cetakan dengan jumlah edisi dan nombor siri cetakan. Pembantu-pembantu yang menolong kerja-kerja mencetak juga boleh meletakkan tanda dengan menggunakan symbol '*Imp.*' yang bermaksud *Impressit* atau pelukis yang mencetak karya tersebut. Simbol '*Imp.*' biasanya diletakkan selepas tandatangan pelukis.

- iii. Blok atau matrik juga perlu ditandakan dengan jelas sebaik sahaja proses cetakan keseluruhan edisi diselesaikan.

- iv. Cetakan akan dianggap sebagai asli apabila seniman itu sendiri yang menyediakan blok-blok asal dan mengukir sendiri blok-blok cetakan tersebut.





Oleh yang demikian, karya-karya yang tidak menepati ciri-ciri ini akan dianggap sebagai cetakan reproduksi.

- v. Tiada peraturan yang diberatkan bagi cetakan reproduksi. Namun, ia boleh dianggap sebagai sebuah cetakan asli sekiranya mempunyai kualiti reproduksi yang sangat tinggi sehingga seniman asal sendiri memberikan persetujuan dan menurunkan tandatangannya ke atas hasil cetakan tersebut.

Berdasarkan piawaian yang telah digubah dan persetujui ini, keaslian sesebuah cetakan konvensional itu boleh diakui apabila seseorang seniman cetak itu sendiri yang menyediakan dan menghasilkan blok cetakannya samada dari kayu, batu dan sebagainya. Seterusnya hasil cetakan dilakukannya sendiri atau pembantu dibawah seliaannya. Apabila keseluruhan proses cetakan telah selesai, seniman cetak itu sendiri perlu menurunkan tandatangannya.

Terma kontemporari pula diberi tafsiran sebagai pada masa yang sama atau semasa. Bidang seni tampak mentakrifkan perkataan kontemporari ini dengan merujuk kepada karya-karya seni tampak semasa atau pada suatu tempoh masa yang tertentu. Bagi mengupas terma kontemporari dalam konteks seni cetak, penyelidikan ini merujuk kepada pandangan beberapa sarjana. Mazlan Karim (2012) merumuskan bahawa istilah kontemporari dalam seni cetak merujuk kepada perubahan sikap dan penerokaan oleh pelukis dalam proses penghasilan karya cetakan yang telah menyebabkan berlakunya evolusi dalam amalan seni cetak. Kenyataan oleh Mazlan





Karim (2012) ini merujuk kepada perubahan bentuk (*form*) karya cetakan kontemporari yang telah berlaku dalam perkembangan seni cetak secara global. Beliau memetik kajian dan pandangan oleh Donald Saff & Deli Sucilotto (1978) yang menyatakan bahawa perubahan yang berlaku pada karya-karya cetakan abad ke 20 ini merujuk kepada proses menghasilkan imajan yang telah melibatkan penggunaan multi-media, inovasi teknik, komputer dan fotografi sehinggalah penghasilan cetakan dalam bentuk tiga dimensi.

Pengkaji mendapati kenyataan oleh Mazlan Karim (2012) adalah disokong oleh pandangan Richard Noyce (2006) yang menyatakan bahawa amalan seni cetak telah berkembang mengikut perubahan zaman. Beliau menjelaskan lagi bahawa seniman cetak tidak ketinggalan untuk meneroka dan membuat eksplorasi terhadap medium canggih dan terkini di samping percubaan-percubaan terhadap bahan tradisi dalam amalan seni cetak itu sendiri.

1.2 Permasalahan Kajian.

Penyelidikan studio ini dijalankan bagi mengolah dan menggunakan bahan kesusasteraan rakyat untuk dijadikan tema dalam menghasilkan sesebuah karya seni visual. Berdasarkan pengamatan yang dijalankan, saya mendapati bahawa bahan kesusasteraan rakyat ini semakin dipinggirkan. Generasi muda khususnya tidak lagi





gemar membaca atau mengkaji hasil-hasil sastra jenis ini. Aznan Bakar (2010), seorang pengarang Akhbar Utusan menulis di dalam artikel beliau yang berjudul “Sastra tempatan terpinggir?” yang diterbitkan pada 26 Mac 2010 mengutarakan pandangan yang menyokong pernyataan di atas. Beliau menyatakan bahawa ruang yang diberikan untuk aktiviti sastra di negara ini semakin sempit apabila generasi elektronik hari ini tidak lagi merasakan sastra itu penting dan tidak menyumbang apa-apa dalam kehidupan.

Tinjauan awal secara tidak formal telah dijalankan melalui kaedah temubual secara rambang ke atas sejumlah lima puluh orang pelajar diploma semester satu hingga semester lima di UiTM Perak, saya dapati bahawa golongan ini rata-ratanya tahu tentang kewujudan hasil sastra rakyat, namun tidak pernah membaca sebarang teks kesusasteraan rakyat ini. Apatah lagi untuk membaca tulisan seniman negara seperti Arena Wati, Shahnnon Ahmad, Usman Awang ataupun A. Samad Said yang sarat dengan semangat perjuangan, patriotisme dan nilai-nilai hidup. Temubual ini juga mendapati bahawa responden tidak berminat dengan lenggok dan gaya bahasa melayu yang digunakan atau tidak cukup ‘catchy’ untuk menarik perhatian golongan ini.

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan tersebut, bolehlah dibuat rumusan awal bahawa hasil sastra rakyat ini dirasakan telah lapuk dan tidak menarik untuk dijadikan bahan bacaan jika dibandingkan dengan lambakan novel-novel cinta dan fiksyen di pasaran hari ini. Keadaan ini tidak mengejutkan lantaran responden yang

